

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
[BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS]  
PERMOHONAN UNTUK SEMAKAN KEHAKIMAN  
[NO: R2-25-260-2008]**

Dalam Perkara Permohonan oleh SNC Industrial Laminates Sdn Bhd mendapatkan kebenaran Perintah *Certiorari*

Dan

Dalam Perkara Keputusan YB Menteri Sumber Manusia di bawah Sek. 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bertarikh 4 Julai 2008 (Diterima pada 14 Julai 2008)

Dan

Dalam Perkara Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

**ANTARA**

**SNC INDUSTRIAL LAMINATES SDN BHD                      ...PEMOHON**

**DAN**

**1. YB MENTERI SUMBER MANUSIA MALAYSIA   ..RESPONDEN  
PERTAMA**

**2. PAPER AND PAPER PRODUCTS MANUFACTURING  
EMPLOYEES UNION                                                      ..RESPONDEN  
KEDUA**

## **Penghakiman**

Mohd Zawawi Salleh H:

### **Permohonan**

[1] Ini adalah permohonan semakan kehakiman Pemohon menurut Perintah 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mendapatkan suatu perintah certiorari bagi membatalkan keputusan Responden Pertama di bawah seksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177).

[2] Responden Pertama telah memutuskan bahawa Pemohon hendaklah memberi pengiktirafan kepada Responden Kedua untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon.

[3] Selepas meneliti hujahan-hujahan lisan, menimbangkan hujahan-hujahan bertulis pihak-pihak dan meneliti kertas-kertas kausa yang difailkan di sini, Mahkamah mendapati permohonan ini tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Kos ditetapkan sebanyak RM1,000.00 yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada setiap Responden.

### **Latar belakang kes**

[4] Bagi tujuan permohonan ini, latar belakang kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (a) Responden Kedua ialah sebuah kesatuan pekerja. Atas permintaan pekerja-pekerja Pemohon, Responden Kedua telah membuat permohonan kepada Pemohon untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon.
- (b) Pemohon tidak bersetuju dengan permohonan tersebut. Justeru, perkara tersebut telah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (“KPPP”).
- (c) KPPP telah memohon kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (“KPKS”) untuk menentukan isu kelayakan Responden Kedua untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon.
- (d) KPKS, setelah membuat pemeriksaan kelayakan yang diperlukan, memutuskan bahawa Responden Kedua adalah layak mewakili pekerja-pekerja Pemohon.
- (e) Berdasarkan keputusan KPKS tersebut, KPPP telah meminta Pemohon memberi pengiktirafan kepada Responden Kedua. Pemohon enggan untuk berbuat demikian dan telah meminta Responden Pertama untuk mengenyahkan keputusan KPKS tersebut.

- (f) Responden Pertama, setelah meneliti dan memberi pertimbangan yang sewajarnya telah memutuskan bahawa Pemohon hendaklah memberi pengiktirafan kepada Responden Kedua untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon.
- (g) Pemohon tidak berpuashati dengan keputusan Responden Pertama tersebut. Justeru, tindakan semakan kehakiman ini telah difailkan.

#### **Alasan-alasan Permohonan**

[5] Secara ringkas, alasan-alasan utama permohonan bolehlah dinyatakan seperti berikut:

- (a) Responden Kedua adalah tidak layak untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon; dan
- (b) penyemakan untuk kelayakan sepatutnya dibuat melalui undi sulit dan bukan melalui penentusahkan keahlian.

#### **Keputusan Mahkamah**

[6] Alasan-alasan permohonan yang dikemukakan oleh Pemohon sebenarnya telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia sebelum ini dan bukanlah merupakan isu yang 'novel'. Mahkamah ini juga telah berpeluang membincang

dan memutuskan isu-isu yang serupa yang dibangkitkan oleh Pemohon di sini dalam kes *K.L Airport Sdn Bhd (The Pan Pacific KLIA) v. Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Malaysia dan 1 lagi*. [Permohonan Semakan Kehakiman No. R2(4)-25-336-08, (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur]. Pihak-pihak dijemput membuat rujukan kepada kes tersebut.

[7] Responden Pertama, dalam Afidavitnya, (Lampiran 12) telah secara terperinci menjelaskan asas keputusan yang dibuatnya. Beliau telah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada segala maklumat dan fakta relevan yang telah dikemukakan kepadanya.

[8] Dengan hormat, Pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa Responden Pertama telah bertindak secara tidak munasabah, tidak berpatutan dan tidak saksama dalam melaksanakan kuasa budibicaranya yang diamanahkan oleh statut kepadanya. Bahkan berdasarkan keterangan yang ada, Responden Pertama telah mematuhi undang-undang yang sedia ada dan tidak bertindak melampaui atau tanpa bidangkuasa. [lihat kes-kes *Minister of Labour v. Lie Seng Fatt* [1990] 2 ML 9; *Minister of Labour, Malaysia v. Chan Meng Yuen and another appeal* [1992] 2 MLJ 337].

### **Analisis Terperinci Alasan-alasan Permohonan**

[9] Secara spesifik, mengenai isu (a), Pemohon berhujah bahawa Peraturan 2 KEAHLIAN Responden Kedua memperuntukkan seperti berikut:

“Membership of the Union shall be open to all employees excluding managerial staff, confidential staff and security guards engaged in the manufacture of:

- (i) Pulp, Paper and Paperboard; and
- (ii) Articles of Pulp, Paper and Paperboard

who are above the age of sixteen and whose place of work is in the states of Malaya”.

[10] Dihujahkan bahawa memandangkan Pemohon terlibat dalam pengeluaran “Insulation Board for PCB (Printed Circuit Board)” iaitu produk elektronik, maka Responden Kedua tidak layak untuk mewakili pekerja-pekerja Pemohon.

[11] Hujah ini telah dijawab oleh Responden Pertama di dalam Afidavitnya (Lampiran 12) di perenggan 8 seperti berikut:

“8. Saya seterusnya menyatakan bahawa pada 8.7.2004, Pengarah JHEKS Johor telah

menjalankan siasatan di premis Pemohon. Berasaskan siasatan yang dijalankan, Pengarah JHEKS Johor melaporkan bahawa:

- 8.1 Produk yang dikeluarkan oleh syarikat Pemohon adalah "*Phenolic Copper Clad Laminates*" yang mana barang keluaran ini merupakan salah satu bahan utama untuk membuat papan litar bercetak, dan "*Phenolic Paper Laminates*" yang mana barang ini sebenarnya ialah "drilling board" atau "impregnated paper board", ianya digunakan sebagai alas semasa 'punching process' Phenolic Copper Clad Laminates.
- 8.2 "*Phenolic Copper Clad Laminates*" dan "*Phenolic Paper Laminates*" adalah bahan mentah bagi pembuatan papan litar bercetak yang digunakan dalam industry elektronik.
- 8.3 Bagi menghasilkan "Phenolic Copper Clad Laminates" dan "Phenolic Paper Laminates", bahan mentah yang

digunakan dalam proses pengeluaran adalah:

Bahan Mentah	Peratusan
(i) Kertas	41%
(ii) Phenol Resin	32%
(iii) Tembaga	15%
(iv) Phosphate	12%

Peratusan tertinggi bahan mentah yang digunakan adalah kertas.

8.4 Phonolic Copper Clad Laminates terhasil daripada 9 atau 10 lapis 'item' iaitu 8 keping kertas yang telah diserapkan dengan campuran barnis dan sekeping atau dua keping tembaga nipis (copper foil) mengikut spesifikasi. Bagi Phonolic Paper Laminates pula, ia terhasil daripada 8 keping kertas yang diserapkan dengan campuran barnis.

8.5 Lesen Pengilang yang bertarikh 25.7.2000 yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan



Antarabangsa dan Industri di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 menyatakan barangan keluaran syarikat adalah “Impregnated Paper Board (Phenolic Paper Laminates)”.

Sesalinan Lesen Pengilang tersebut dilampirkan dan ditanda sebagai Eksibit “SKVS-1”.

[12] Nampaknya, Pemohon tertinggal untuk menyatakan bahawa ‘Insulation Board’ tersebut dengan sendirinya tidak mengandungi sebarang bahan elektrik ataupun elektronik. Justeru, tidak ada sebab bagi Responden Kedua untuk tidak layak mewakili pekerja-pekerja yang terlibat dalam pengeluaran “pulp, paper and paper board”.

[13] Secara spesifik, mengenai isu (b), Pemohon berhujah bahawa Responden Pertama sepatutnya menyedari bahawa penyemakan untuk kelayakan yang dibuat secara menentusahkan keahlian Responden Kedua adalah tidak selaras atau sejajar dengan polisi Kementerian atau tidak mengikut keputusan kes *Kelab Lumba Kuda Perak v. Menteri Sumber Manusia, Malaysia & Anor* [2005] 3 CLJ 517 di mana Zulkefli Ahmad Makinudin H (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

“More importantly, we noted that this policy of the department runs contrary to the stand that the DGTU and first respondent took in the case of *Minister of Human Resources v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers* [1998] 1 CLJ 215. In that case, the company sought for a secret ballot to-be conducted. The union on the other hand requested for a membership verification exercise. Despite this the DGTU proceeded by way of a secret ballot. When the Minister of Human Resources rejected the recognition claim, based on secret ballot, the Union successfully quashed the decision in the High Court. The Minister appealed to the court of Appeal and successfully argued that the decision to go by way of secret ballot was reasonable. The Court of Appeal endorsed the Minister’s decision and held that the secret ballot was the most democratic way of determining the choice of the employees.

By reasons of the foregoing, it is our finding that there was a glaring absence of any consideration to the matters raised by the appellant as to why a secret ballot was the more appropriate mechanism to conduct the membership check. The exercise of the DGTU’s discretion in the present case

before us was a complete reverse to the stand taken by him in the Court of Appeal's case of *Minister of Human Resources v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers (supra)*. The DGTU's decision adopted by the first respondent cannot be allowed to stand as the manner in which the decision was reached was unreasonable, perverse and unjustified".

Selanjutnya beliau menyatakan:

"A secret ballot allows members to exercise their freedom of choice as to whether they wish to assign their bargaining power and freedom of contract to the Union. In contrast, a verification exercise merely involves an examination of the records furnished by the Trade Union. More importantly a verification exercise would not be able to address the issue which had been raised by the appellant in its letter of 14 March 1997 to the DGTU to ascertain the authenticity and voluntariness of the signatories in the membership rolls. The veracity of membership check by secret ballot has been expressly tested and sanctioned by the Court of Appeal in *Minister of Human Resources v. National Union of Hotel, Bar and Restaurant Workers. Semenanjung Malaysia*

(*supra*), where in the court confirmed that a membership check conducted by secret ballot does not produce an unfair result. In addition, the court also held that the membership check by secret ballot was perfectly valid and not *ultra vires* the Trade Union Act 1959”.

[14] Dengan hormat, isu ini tidak lagi menjadi isu yang boleh dipertikaikan. Mahkamah Rayuan dalam kes *Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja Malaysia v. Evergreen Laurel Hotel (M) Sdn Bhd* [2010] 8 CLJ 413 memutuskan:

“[31]When the Trade Unions Act 1959 and the Trade Unions Regulations 1959 give the DGTU the discretion to choose between two modes of membership checks, it is not for the hotel or the High Court to decide on the particular mode the DGTU should adopt. The interference by the court, if at all, is only justified if the DGTU went beyond the scope of his duties by adopting a mode which is not specified or permitted by the Act, read with the Regulations, or has failed to act in good faith according to established procedure having regard to the circumstances of this particular case. Subject to these exceptions, the discretion is unfettered and belongs to

the DGTU. Whereas in the instant appeal, the discretion has been exercised within the parameters of the enabling provisions, and in good faith, the court should not usurp the functions of the DGTU by substituting its own decision for that of the DGTU. The court must bear in mind that the function of the court in this category of cases is by way of judicial review only.

[32] Our view is fortified by the judgment of the Federal Court in *Electrical Industry Employees Unions v. Registrar of Trade Unions & Anor* [1975] 1 LNS 34; [1976] 1 MLJ 177 FC. There, the issue was whether it was the Union or the Registrar of Trade Unions (now the DGTU) who should decide whether the workers fell within the scope of the Union. Lee Hun Hoe CJ (Borneo) (as he then was) held at p. 179 A-D rt:

Whether a person in a related or similar industry becomes a member of a particular union is squarely a matter for the decision of the Registrar of Trade Unions. If a particular union can say it is for the

Union to decide whether those in another industry might be absorbed as members of the Union, a dangerous situation would develop whereby each and every union in the country would do the same. This could produce disastrous result for the country. It is for the Union to satisfy the Registrar of Trade Unions that the Monsanto Electronics Workers Union belongs to the same or similar industry as the Union. What is sought by the originating summons is a declaratory judgment as to the Union. What is sought by the originating summons is a declaratory judgment as to the functions and powers of the Registrar of Trade Unions. I think the court must decline to exercise its discretion in making any declaration which would fetter the Registrar in the exercise of his duties imposed on him by the Ordinance. It would seem that if the Registrar of Trade Unions acted in good faith in the performance of

his duties he would be protected by section 6 of the said Ordinance.

[33] At p. 1811 left *ibid*, Ong Hock Sim FJ (as he then was) expressed a similar view, ie, the court should not define and draw up guidelines for the registrar as to his functions under the Ordinance and the manner he is to carry them out. His Lordship cited with approval the judgment of Farwell J in *Thomas v. Attorney-General* [1973] 1 Ch 72, 75-78 to the effect that where the relevant Act gave the discretion to the Attorney-General to decide on the steps to be taken, the court ought not in a case of this kind to make an order which would or might have the effect of fettering the discretion vested in the Attorney-General.

[34] Another supportive view was expressed by the Federal Court through the judgment of Abdul Malek Ahmad FCJ (later PCA) in *National Union of Newspaper Workers v. Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja, supra*, at pp 697-698. His Lordship cited with approval an unreported High Court decision in *The Electrical Industry Workers Union v.*

*The Honourable Minister of Labour & Power & The Registrar of Trade Unions (MTKL Motion No. A11 of 1981) where Hashim Yeop Sani J (later CJ (M)) opined that the whole function that, in a certiorari proceeding, the court is acting as a supervisory court and not as an appellate court and that “it is clear that the legislature has entrusted on the Registrar and the Minister the discretion to decide on the membership and representation by the union and the courts should not usurp this function and embark on a rehearing of the matter”.*

[15] Natijah dari keputusan kes di atas ialah bahawa Peraturan 63 Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 telah memberi budibicara kepada KPKS untuk sama ada menjalankan penyemakan keahlian secara undi sulit atau penentusahan keahlian. Dalam kes ini, Responden Pertama telah mengambilkira hal penyemakan KPKS yang mendapati peratusan keahlian Responden Kedua di syarikat Pemohon pada masa tuntutan pengiktirafan ialah 61.13%.

[16] Seterusnya, Pemohon berhujah bahawa Responden Pertama perlu memberi alasan atas keputusan yang dibuatnya. Isu ini juga tidak lagi menjadi isu yang boleh dipertikaikan. Terdapat banyak keputusan kes yang secara jelas menyatakan



bahawa Responden Pertama adalah tidak berkewajipan untuk berbuat demikian. [lihat kes-kes *Joseph Puspam v. Menteri Sumber Manusia & Anor* [2001] 4 CLJ 252; *Ramatex Textiles Industries Sdn Bhd v. Menteri Sumber Manusia & Anor* [2004] 8 CLJ 577; *Minister of Labour, Malaysia v. Sanjiv Oberoi & Anor* [1990] 1 CLJ 44; [1990] 1 CLJ (Rep) 200; *Lee Chew Mee v. Ng Kok Kwang & Anor* [2010] 8 CLJ 192].

[17] Kegagalan Responden Pertama untuk memberi alasan terhadap keputusan yang dibuatnya hanya menjadi penting jika kesemua fakta yang ada menunjukkan bahawa keputusan yang berlainan sepatutnya dibuat oleh beliau dan beliau tidak boleh membuat komen sekiranya Mahkamah mengganggu keputusan tersebut. Ini dinyatakan dalam kes *Lonrho plc v. Secretary of State of Trade and Industry* [1989] 2 All ER 609:

“The absence of reasons for a decision where there is no duty to give them cannot of itself provide any support for the suggested irrationality of the decision. The only significance of the absence of reasons is that if all other known facts and circumstances appear to point overwhelmingly in favour of a different decision the decision maker who gives no reasons cannot complain if the court draws the inference that he had no rational reason for his decision”.

[18] Keadaan ini tidak terdapat dalam kes ini.

### **Kesimpulan**

[19] Mahkamah telah memberi pertimbangan yang mendalam terhadap alasan-alasan permohonan yang dikemukakan oleh Pemohon. Mahkamah berpuashati bahawa Responden Pertama telah menjalankan kuasanya selaras dan sejajar dengan semangat serta matlamat Akta 177. Responden Pertama telah menjalankan kuasa budibicaranya secara sah di sisi undang-undang, adil, saksama dan dengan suci hati. Justeru, tidak terdapat apa-apa alasan yang membolehkan Mahkamah ini mengenenpikan keputusan Responden Pertama melalui semakan kehakiman.

[20] Oleh itu, permohonan ini ditolak dengan kos dan keputusan Responden Pertama dikekalkan.

**Bertarikh:** 29 NOVEMBER 2011

**(DATO' HAJI MOHD ZAWAWI BIN SALLEH)**

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya

Kuala Lumpur



**Peguam-Peguam:**

*Bagi pihak pemohon - Balan Nair; T/n Seah Balan Ravi & Co*  
Peguambela & Peguamcara  
Klang, Selangor Darul Ehsan.

*Bagi pihak responden pertama - Jamhirah Ali*  
Peguam Kanan Persekutuan  
Jabatan Peguam Negara  
Putrajaya.

*Bagi pihak responden kedua - Venget Raman; T/n Jayaratnam & Co*  
Peguambela & Peguamcara  
Ipoh, Perak.